

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 / 8 / 2017

# 1Malaysia Negaraku satukan rakyat

Oleh KAMIL MASLIH  
pengarang@utusan.com.my

SEJAK dilancarkan pada 2009, ikon 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menjadi simbol paling dikenali di seluruh negara dengan mencerminkan konsep 1Malaysia yang sangat dekat di hati rakyat.

Ikon ini telah menjadi simbol penyatuan dan perpaduan rakyat Malaysia berbilang kaum dan agama serta melambangkan patriotisme dan rasa cinta negara.

1Malaysia merupakan falsafah yang membawa pengertian mendalam kepada rakyat Malaysia dalam mempamerkan hasrat untuk mencapai perpaduan na-

sional melalui semangat kebersamaan, kebersatuan, kerjasama dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Pendekatan ini bukan sahaja diterima pakai secara menyeluruh malah diterjemahkan menerusi pelbagai program dan produk kepada rakyat termasuk Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM), Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPAIM).

Dalam pada itu, *Ekspres Negaraku* yang dilancarkan Perdana Menteri pada 18 Mac lalu pula berjaya mencapai matlamatnya untuk menyemarakkan semangat cintakan tanahair dalam kalangan rakyat negara ini.

Laungan 'Negaraku Malaysia'

menjadi manifestasi kepada perisian patriotisme yang merupakan asas dan ciri utama kepada jati diri sebuah negara yang aman, harmoni dan bersatu-padu.

Sehubungan itu, pelancaran ikon 1*Malaysia Negaraku* yang disempurnakan Perdana Menteri di Putrajaya hari ini adalah amat bertepatan dalam menggabungkan kedua-dua inisiatif 1*Malaysia* dan *Negaraku* dalam satu lambang yang sama.

Sebagaimana diungkapkan beliau dalam ucapannya, ikon 1*Malaysia Negaraku* membawa maksud yang mudah difahami dan dihayati oleh rakyat Malaysia kerana matlamat untuk menyemai perpaduan yang jitu dan kukuh dalam kalangan rakyat di samping mengangkat martabat negara ke tahap lebih tinggi lagi.

"Kita bersetuju untuk menggabungkan kedua-duanya dalam satu simbol dan satu ikon negara supaya kita tidak ketepikan 1*Malaysia* dan kita juga tidak memberi tumpuan kepada *Negaraku Malaysia* seolah-olah 1*Malaysia* tidak wujud lagi atau ada konsep baharu," ujar beliau.

Majlis pelancaran ikon baharu tersebut di hadapan menteri-menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan ternyata menyerlah keikhlasan kerajaan untuk mencapai matlamat perpaduan rakyat dan kejayaan negara.

Najib yakin ikon yang menggabungkan *Jalur Gemilang* dan *Negaraku* itu akan menjadi simbol yang dapat mengukuhkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan rakyat di samping laungan *Negaraku Malaysia* terus kekal bergema.

Perdana Menteri turut menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang diterajui Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak serta Pengasas dan Presiden Universiti Limkokwing, Tan Sri Dr. Lim Kok Wing kerana berjaya merealisasikan ikon baharu berkenaan.

Katanya, pelancaran ikon itu sememangnya cukup kena dengan masanya sempena sambutan kemerdekaan negara ke-60 yang akan dirai secara besar-besaran pada 31 Ogos ini serta kemeriahan Sukan SEA 2017 yang sedang berlangsung di tanahair ketika ini.

Dari segi rekaannya, ikon berkenaan menggabungkan ikon 1*Malaysia* dan *Negaraku* sedia



NAJIB TUN RAZAK, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Salleh Said Keruak (kanan) mempamerkan logo baharu 1*Malaysia Negaraku* selepas melancarkan logo itu di Putrajaya, semalam.

**Kita bersetuju untuk menggabungkan kedua-duanya dalam satu simbol dan satu ikon negara supaya kita tidak ketepikan 1Malaysia dan kita juga tidak memberi tumpuan kepada Negaraku Malaysia seolah-olah 1Malaysia tidak wujud lagi atau ada konsep baharu."**

NAJIB TUN RAZAK  
Perdana Menteri

ada yang mana angka satu pada '1Malaysia' dililit dengan bendera *Jalur Gemilang* yang tertera perkataan 'Negaraku' di bawah ikon berkenaan.

Reka bentuk yang dihasilkan KKMM bersama kolaborasi Kok Wing itu menggambarkan mesej jelas yang melambangkan perpaduan negara di samping memberi peluang kepada rakyat untuk menunjukkan taat setia dan cinta negara.

Sebagaimana dinyatakan dalam kenyataan yang dikeluarkan KKMM, ikon itu direka untuk menjadi lambang kepada rakyat Malaysia dalam aspirasi mencapai kemajuan sempena 60 tahun kemerdekaan negara yang terus diingati atas dasar perpaduan nasional.

Ikon itu juga melambangkan simbol kekuatan negara ke arah perpaduan dan usaha transformasi pembangunan ekonomi se-

penuhnya serta menjadi sebahagian daripada legasi kebangsaan dan simbol kepada dasar pentadbiran Perdana Menteri.

Sebagai satu ikon penting negara, pembinaan konsep 1*Malaysia Negaraku* diyakini dapat menyatakan hati dan minda rakyat untuk saling bekerjasama, saling memahami, membina kepercayaan dan mengukuh nilai persahabatan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Semangat juga ditiupkan kepada seluruh warga Malaysia untuk mencapai matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi mengangkat Malaysia menjadi negara maju dan antara negara teratas di dunia dalam bidang ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

1*Malaysia Negaraku* memberi kekuatan kepada rakyat untuk mengukuhkan kesetiaan dan komitmen terhadap prinsip yang berteraskan keterangkuman, kesatuan dan kebersamaan.



**IKON 1Malaysia: Simbol Perpaduan Negara**

"1Malaysia merupakan satu konsep untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dari semua kaum berdasarkan nilai-nilai penting yang sebenarnya menjadi amalan seluruh rakyat Malaysia."

YAB Datu Sri Najib Tun Abdul Razak  
15 Jun 2009

Seperti pelancaran, inisiatif 1Malaysia telah diterima sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan ikon 1Malaysia telah menjadi simbol yang paling dikenali di negara ini yang merangkumi prinsip yang berteraskan kebersamaan, kesatuan dan kebersamaan.

Ikon 1Malaysia dengan benderanya dipamerkan di seluruh Negara sebagai simbol perpaduan dan patriotisme.

**Ikon Baru 1Malaysia Menggabungkan "Negaraku"**

Ikon baharu 1Malaysia yang menggabungkan *Jalur Gemilang* dengan *Negaraku* menjadikan satu simbol yang mengukuhkan mesej dan memberikan platform yang lebih khusus.

Sembel memancarkan imej sebuah negara yang beranso-pada dan ikhlas, ikon baharu ini memberi semangat kepada rakyat Malaysia untuk mengukuhkan kesetiaan dan komitmen mereka terhadap perpaduan dan kebersamaan melalui 1Malaysia *Negaraku*.

**IKON 1Malaysia *Negaraku* yang menggabungkan konsep 1Malaysia dengan *Jalur Gemilang*.**